



## SIARAN MEDIA

### HARMONI MEDAN PENGUKUHAN KEHARMONIAN DAN PERPADUAN MALAYSIA MADANI

---

**PUTRAJAYA, 8 Ogos 2024** – Mesyuarat Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) telah diadakan pada hari ini yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara dan YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Mesyuarat ini adalah bagi membincangkan mengenai usaha-usaha pengukuhan keharmonian dan perpaduan masyarakat di Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya.

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) sebagai pemangkin hala tuju meningkatkan keharmonian antara penganut agama telah melancarkan **Inisiatif Harmoni MADANI** pada 27 April 2024. Antara program yang telah dilaksanakan adalah:

- i. **Program Jejak HARMONI** – dilaksanakan di 6 lokasi iaitu Pulau Pinang, Terengganu, Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Sabah
- ii. **Dialog Harmoni dan *Interfaith Dialogue***;
- iii. **Podcast: Bicara HARMONI**;
- iv. **Sambutan Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia (World Interfaith Harmoni Week)**;

Menurut YB Datuk Aaron Ago Dagang, walaupun KPN tidak kuasa atau peruntukan khas seperti akta untuk mengambil tindakan-tindakan dari segi perundangan, tetapi Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional berperanan penting dalam membantu mengurus isu perpaduan melalui beberapa mekanisma seperti **Sistem E-Sepakat, Dashboard Analitik Perpaduan, Mediator Komuniti sebagai pendamai masyarakat, Pusat Mediasi Komuniti dan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan**. Beliau turut menyatakan bahawa komitmen semua rakyat Malaysia amat penting untuk kita

sama-sama bersatu padu mencari titik persamaan dengan membudayakan pendekatan **Faham, Hormat dan Terima** demi keharmonian negara ini terpelihara.

Mesyuarat pada hari ini juga **meluluskan cadangan Piagam Harmoni Malaysia** sebagai medium perpaduan dan keharmonian rakyat Malaysia. Piagam Harmoni ini merangkumi **6 prinsip, 12 nilai-nilai keharmonian, 32 panduan dan 9 hala tuju**. Selain itu, piagam ini akan mengandungi satu garis panduan yang meliputi perkara yang dibolehkan dan dielakkan dalam memperkasa hubungan masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Haji Mokhtar turut menyatakan agar semangat kesatuan masyarakat berbilang agama dan bangsa yang terbentuk menerusi Piagam Madinah di era Nabi Muhammad SAW dihayati oleh seluruh rakyat Malaysia demi mengukuhkan keharmonian di negara kita. YB Menteri juga menyambut baik atas persetujuan mesyuarat bagi penubuhan **Biro Pengurusan Program dan Aktiviti; Biro Pendidikan dan Promosi; dan Biro Isu Agama dan Mediasi**. Beliau berharap biro-biro yang ditubuhkan ini akan dapat memainkan peranan menyelaras dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang berkesan ke arah membawa negara Malaysia yang bersatu padu dan harmoni dikalangan rakyat Malaysia seluruhnya.

**Kementerian Perpaduan Negara  
dan  
Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)**  
8 Ogos 2024